

24/01/2003

Pemimpin Umno bebas umum hasrat lepas jawatan: Pak Lah

Mohd Azlan Jaafar; Misiah Taib; Munaarfah Abu Bakar; Norsharuddin PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, mana-mana pemimpin boleh menyuarakkan pandangan sama ada mahu terus memegang jawatan atau melepaskan kedudukan masing-masing.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata bagaimanapun terpulang kepada kepemimpinan Umno untuk menentukan kedudukan mereka.

"Depa nak kata depa sedia lepas biar la depa kata...senang cerita.

Kita

tau la dan senang la kita nak buat apa pun," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Kabinet Mengenai Daya Saing Negara (CCNC) di Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kesediaan Menteri Besar

Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan semua lapan Exco kerajaan negeri itu menarik diri pada pilihan raya umum akan datang bagi memberi laluan kepada muka baru.

Adnan dalam kenyataannya kelmarin berkata, perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat mingguan Exco yang dipengerusikannya dengan semua ahli Exco,

Menteri Besar Pahang itu berkata, tindakan itu bukan bertujuan memeningkan kepala Pengerusi Barisan Nasional (BN) merangkap Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebaliknya lebih memudahkan tugasnya

kerana sebarang keputusan akan diterima dengan hati terbuka.

Malah Adnan berkata, pengunduran itu nanti mungkin dapat memberi peluang muka baru ditonjolkan daripada kalangan Puteri, Pemuda atau Wanita yang berbakat.

Badan Perhubungan Negeri Perak juga memberi maklum balas yang sama apabila baru-baru ini, lima Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) daripada Umno negeri itu menyatakan hasrat untuk berundur daripada menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang.

Di LUMUT, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin menasihatkan semua Adun dan Ahli Parlimen tidak membuat sebarang kenyataan menawar untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum secara terbuka.

Beliau berkata, kenyataan secara terbuka termasuk menerusi media itu mungkin akan digunakan pihak tidak bertanggungjawab dengan memutarbelitkannya, sekali gus memberi kesan tidak baik kepada parti.

Bagaimanapun, katanya kenyataan yang dibuat oleh beberapa Adun untuk menarik diri sebagai calon pilihan raya adalah tindakan biasa.

"Cuma kita minta mereka tidak membuat kenyataan secara terbuka kerana bimbang diputar belit dan disalahertikan pihak berkepentingan.

"Sebaik-baiknya mereka perlu berbincang dan menyampaikan hasrat berkenaan kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri masing-masing. Ini lebih baik kerana kita mempunyai saluran tertentu," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Seri Manjung, dekat sini, semalam.

DI KUALA LUMPUR, seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd

Taib, berkata gandingan serta kerjasama rapat semua ahli Umno tanpa mengira orang lama atau muka baru, sama penting dalam menentukan kemenangan BN pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, tidak timbul isu sama ada `orang lama' parti itu akan digantikan dengan muka baru melalui rombakan pada peringkat tertinggi Perhubungan Umno negeri kerana kedua-dua kumpulan itu dapat menyumbang kepada kekuatan parti.

"Umno ibarat sebuah rumah, tidak ada satu bahagian dalam rumah seperti dinding, atap, pintu atau bilik boleh berdiri dengan sendiri. Setiap bahagian mempunyai fungsi serta kepentingannya, ia tidak dapat berfungsi sendiri selain diganding serta dibina bersama dengan bahagian lain," katanya ketika dihubungi Berita Harian, di sini, sebelum berlepas ke Alor Setar semalam.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz menganggap kesediaan Adnan dan semua lapan Exco Pahang menarik diri daripada menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang sebagai menandakan mereka memulangkan sepenuhnya kepada pucuk kepemimpinan parti untuk menentukan nasib mereka.

"Saya rasa mungkin itu menggambarkan bahawa Menteri Besar Pahang dan Exconya menyerahkan kepada pucuk kepemimpinan parti sama ada mahu mengambil mereka balik atau tidak sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang," katanya.